

NAMA:		KELAS:	
--------------	--	---------------	--

**UJIAN PENGESANAN AWAL PERSEKOLAHAN
BAHASA MELAYU
PDPR 2021**

BAHAGIAN A
[20 markah]

Soalan 1 hingga 20

Pilih jawapan yang **paling sesuai**.

- 1 Arman dan Zain Hakimi belajar di _____ yang sama sejak dari tahun satu hingga kini.

A dewan	C sekolah
B tadika	D kantin

- 2 Khazanah purba negara banyak tersimpan di _____.

A Masjid Negara	C Perpustakaan
B Zoo Negara	D Muzium Negara

- 3 Iqmal dan rakan-rakannya bermain bola sepak. _____ bermain di padang permainan.

A Mereka	C Dia
B Beliau	D Kami

- 4 Selvi ialah anak angkat Encik Murugiah. Ibu bapa _____ meninggal dunia setahun yang lalu.

A beliau	C kita
B nya	D saya

- 5 Daggu atuk luka terkena pisau semasa dia _____ janggutnya.

A mencabut	C memotong
B mencukur	D menggunting

- 6 Mak Cik Zakiah asyik _____ tikar mengkuang di bawah pokok di tepi pondoknya.


A menenun	C menyirat
B menganyam	D menyulam

- 7 Lampin adik berbau _____ kerana dia telah kencing.

A hapak	C kering
B hanyir	D haring

- 8 Banyak manfaat yang kita peroleh ____ceramah itu.
A dari C antara
B daripada D akan
- 9 Najwa suka menjahit _____ kakaknya suka mengumpul Majalah Saji.
A dan C manakala
B tetapi D kecuali
- 10 _____ anak Puan Salmah bertugas sebagai doktor pakar di Hospital Sultan Ismail.
A Kedua C Dua
B Kedua-dua D Sesetengah
- 11 Hang Tuah telah diutuskan oleh Sultan Mahmud Shah untuk_____Puteri Gunung Ledang.
A menimbang C peminangan
B meminang D dipinang
- 12 Ayah _____ adik sebuah basikal kerana berjaya khatam Al Quran.
A menghadiahkan C dihadiahkan
B menghadiahi D dihadiahi
- 13 Gadis itu _____ ke pejabat kerana sudah lewat.
A terkial-kial C tercungap-cungap
B terkinja-kinja D terkocoh-kocoh

14



_____ itu sesak dengan kenderaan yang menuju ke pasar raya di Tebrau.

- A Jejambat
B Jejantas
C Kekuda
D Kekisi

- 15 Pilih ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.
- A "Wah, besarnya Stadium Negara," kata Rina.
 - B "Wah! Besarnya Stadium Negara," kata Rina.
 - C "Wah. Besarnya Stadium Negara," kata Rina.
 - D "Wah, besarnya Stadium Negara!" kata Rina.
- 16 Pilih ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.
- A Sebagai rakyat Malaysia, kita harus mempunyai sikap taat setia dan cinta akan negara.
 - B Sebagai rakyat Malaysia, kita harus mempunyai sikap taat, setia, dan cinta akan negara!
 - C Sebagai rakyat Malaysia, kita harus mempunyai sikap taat, setia dan cinta akan negara?
 - D Sebagai rakyat Malaysia, kita harus mempunyai sikap taat, setia dan cinta akan negara.
- 16 Pilih ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.
- A Nah! Terimalah balasan jika berbuat jahat!
 - B Cis, besarnya kayu yang disepak engkau?
 - C Aduhai, malang sampai begini nasibku!
 - D Wah, malang sungguh nasib engkau.
- 18 "Awak berasal dari _____?" tanya Umaira kepada jiran barunya.
- A siapa
 - B mana
 - C bila
 - D berapa
- 19 Kedai hiasan dalaman di seberang jalan _____ dihias sangat cantik.
- A itu
 - B ini
 - C begitu
 - D begini
- 20 Entah _____ lagi kami sekeluarga akan dapat pulang ke kampung.
- A mana-mana
 - B bila-bila
 - C siapa-siapa
 - D apa-apa

BM011 (PEMAHAMAN BAHAGIAN B)

Soalan 21

(a) Tulis **BETUL** atau **SALAH** pada ruang yang disediakan bagi penggunaan **kata ganti diri** yang bergaris dalam ayat di bawah.

(i) Ketua Menteri telah sembuh selepas _____ beliau diberi rawatan di hospital.

(ii) "Ayah, izinkan kita menyertai aktiviti perkhemahan di sekolah pada hujung minggu ini," kata Aina kepada ayahnya.

(iii) Jahitan Siti masih tidak kemas kerana dia baru seminggu belajar menjahit baju.

Soalan 22

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisikan pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

sebahagian	sedikit	setengah
banyak	semua	Satu pertiga
Seluruh	separuh	beberapa

Pada minggu yang lalu, Fatimah telah mengadakan majlis hari lahirnya yang ke-12. Najwa telah menjemput _____ rakan sekelasnya untuk turut sama meraikannya. Namun, hanya _____ sahaja yang dapat hadir. _____ daripada rakan sekelas Najwa tidak dapat hadir kerana tinggal jauh dari rumah Najwa.

Oleh itu, _____ makanan yang tidak dapat dihabiskan. Ibu Najwa telah meminta kawan-kawan Najwa membawa balik makanan yang tinggal. Kawan-kawan Najwa membahagikan makanan itu sama rata. Mereka meninggalkan _____ untuk Najwa dan keluarganya.

Soalan 23

Pilih **penjodoh bilangan** yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

- (i) Suzana mempunyai se_____abang yang tinggal di Kuala Lumpur.
(kawan / orang)
- (ii) Mak Limah membawa se_____payung kerana cuaca kelihatan mendung.(kaki / laras)
- (iii) Johan hanya memakan beberapa_____mangga kerana buah itu amat masam.(hiris/biji)

Soalan 24

Tandakan (/) pada ayat yang betul dan (x) pada ayat yang salah.

- (i) Suzana membaca majalah akademik kerana rakannya membaca majalah hiburan. ()
- (ii) Pasukan pengakap berasa gembira sambil dapat berkhemah di hutan lipur. ()
- (iii) "Cis, pergi engkau dari sini!, kata pendekar itu." ()
- (iv) Para tetamu yang datang ke rumah kita harus diterima dengan tangan terbuka. ()